

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 MAC 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tiga lagi kawasan catat suhu tertinggi	Harian Metro
2.	Belum ada SOP pembenihan awan ketika El Nino	BERNAMA
3.	Cloud seeding may not work to diminish El Nino effect	The Star
4.	Mangsa keracunan makanan meninggal dunia	Utusan Malaysia
5.	Mati kerana makan kuetiau racun serangga	KOSMO
6.	Kuetiau beracun ragut nyawa	KOSMO
7.	El Nino beri kesan kepada agromakanan	Sinar Harian
8.	Penduduk gembira Keningau mula dibasahi hujan	BERNAMA
9.	JAKIM seru umat Islam solat hajat tolak cuaca panas	Harian Metro
10.	Mavcap sasar salur dana RM100 juta	Utusan Malaysia
12.	Dana SuperSeed Gobi MAVCAP ASEAN RM60j	Berita Harian
13.	Dana teroka RM60j untuk syarikat dilancar	Harian Metro
14.	MAVCAP-Gobi plans Asean startups funding	Malay Mail
15.	Mavcap teams up with Gobi to start RM60m venture fund	New Straits Times
16.	Malaysia Venture and Gobi to focus on S-E Asia with new fund	The Star

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 24
TARIKH: 25 MAC 2016 (JUMAAT)

Kuala Lumpur

Tiga lagi kawasan catat suhu tertinggi

Cuaca panas yang melanda negara terutama di kawasan utara Semenanjung masih tidak menunjukkan perubahan ketara dengan Alor Setar mencatatkan suhu tertinggi iaitu 37.3 darjah Celsius.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), bacaan suhu setakat jam 2 petang semalam juga merekodkan tiga lagi kawasan di negara ini turut mengalami cuaca panas melebihi 37 darjah Celsius.

Selain itu, kawasan Batu Embun turut merasai bahang fenomena El Nino dengan merekodkan suhu 37.2 darjah Celsius manakala Ipoh (37 darjah Celsius).

Di Kelantan, cuaca di negeri itu juga semakin panas dan bacaan suhu maksimum terkini di Kuala Krai setakat jam 2 petang semalam adalah 37 darjah Celsius.

Cuaca di kawasan utara Semenanjung juga tidak menunjukkan banyak per-

ubahan dengan Chuping mencatatkan suhu 36.6 darjah Celsius dan Prai, 35.8 darjah Celsius.

Di Melaka, kawasan Lubuk Merbau juga mengalami cuaca panas membahang apabila suhu terkini yang direkodkan adalah 36.1 darjah Celsius.

Di Lembah Klang, hujan pada lewat petang semalam membantu mengurangkan bahang panas dan suhu paling tinggi direkodkan ialah di Petaling Jaya iaitu 34.6 darjah Celsius.



Belum Ada SOP Pembenihan Awan Ketika El Nino

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau](#) berkata kerajaan tidak mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk melakukan pembenihan awan ketika berlakunya cuaca kering melampau akibat fenomena El Nino.

Beliau berkata SOP pembenihan awan sedia ada hanya untuk menangani jerebu apabila kualiti udara mencapai bacaan tidak sihat.

"Kita menerima cadangan daripada pelbagai pihak supaya melakukan pembenihan awan, jika melakukan pembenihan awan pun tidak semestinya El Nino akan selesai," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan hadiah kepada 18 pemenang Pertandingan Rekabentuk Malaysia 2015 dan enam pemenang Pertandingan Rekabentuk Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) - Ibag 2015 di Menara Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) di sini.

Bagaimanapun, katanya SOP pembenihan awan ketika cuaca panas dan kering melampau itu akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Khas Pengurusan Bencana.

Dalam pada itu, Madius berkata enam kawasan mencatat suhu gelombang haba iaitu antara 37 hingga 39 darjah Celsius, setakat 4 petang tadi.

Katanya kawasan tersebut adalah Batu Embun, Pahang (37.8 C); Alor Setar, Kedah (37.6 C); Chuping, Perlis dan Temerloh, Pahang (37.7 C); Lubok Merbau, Perak (37.4 C) serta Prai, Pulau Pinang (37 C).

Malaysia kini mengalami cuaca panas dan kering disebabkan fenomena El Nino dan Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan keadaan itu hanya akan berakhir pada Mei atau Jun.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 39
TARIKH: 25 MAC 2016 (JUMAAT)

Cloud seeding may not work to diminish El Nino effect

KUALA LUMPUR: The Standard Operating Procedure (SOP) for cloud seeding to curb hot and dry weather conditions caused by El Nino has yet to be finalised, says Science Innovation and Technology Minister Datuk Seri Madius Tangau.

As of now, the SOP on cloud seeding says that such operations would only be done when there is haze and the air quality reaches unhealthy levels.

"We have received many requests and rec-

ommendations to carry out cloud seeding.

"But, we have to consider El Nino as a whole.

"If we do cloud seeding today, the weather will still be hot and dry tomorrow, and the same problem will recur," he said at Menara Matrade here yesterday.

Tangau also said the SOP required that cloud seeding be approved by a special committee chaired by Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Dr

Shahidan Kassim.

However, the worry of more hotter days are now diminishing because the heatwave has weakened and El Nino will slow down by June.

Tangau added that six places in the country had recorded temperature levels of between 37°C and 39°C as at 4pm yesterday.

The highest was Batu Embun, Pahang (37.8°C); followed by Chuping, Perlis and Temerloh, Pahang (37.7°C); Alor Setar (37.6°C);

Lubok Merbau, Kedah (37.4°C); and Seberang Prai (37°C).

Tangau was at Menara Matrade to present prizes to the winners of the 2015 Malaysia Design Competition and the 2015 MRM-IBag Design Competition.

The competition by Malaysia Design Council and organised by the ministry serves as a platform for young local designers to display their creativity in generating new ideas and concepts.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 29
TARIKH : 25 MAC 2016 (JUMAAT)

Mangsa keracunan makanan meninggal dunia

IPOH 24 Mac - Selepas bertarung nyawa selama 20 hari akibat menjadi mangsa keracunan makanan di sebuah gerai di Siputeh 4 Mac lalu, seorang wanita, Hawa Buyong akhirnya meninggal dunia semalam.

Wanita berusia 47 tahun itu menghembuskan nafas terakhir pada pukul 11.25 malam ketika dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini.

Mangsa yang belum berkahwin dilaporkan kritikal dan bergantung kepada alat bantuan pernafasan sejak dimasukkan ke hospital berkenaan.

Kakak mangsa, Anita Buyong, 48, berkata, Hawa yang merupakan anak keempat daripada lima beradik itu mengadu mengalami sesak nafas pada pagi hari kejadian.

Kata beliau, adiknya yang tinggal seorang diri juga pengsan di stesen minyak tempatnya bekerja sebelum sekali lagi pengsan semasa berada di hospital.

"Sejak dia dimasukkan ke hospital, dia langsung tidak sedarkan diri. Kami sekeluarga reda dengan pemergian-nya," katanya ketika ditemui di Jabatan Forensik HRPB di sini hari ini.

Sementara itu adik mangsa, **Arisson**, 37, berkata, kali terakhir dia berjumpa kakaknya itu sehari sebelum kejadian dan wanita itu menghembuskan nafas terakhir di sisi ahli keluarganya.

Katanya, jenazah kakaknya itu akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Siputeh di Tronoh.

"Kami sekeluarga berharap, individu yang melakukan perbuatan khianat ini akan menerima balasan setimpal dan siasatan mengenai kes ini dilakukan de-

HAWA BUYONG



KERATAN Mingguan Malaysia 6 Mac 2016.

ngan teliti dan telus," ujarnya.

Dalam kejadian 4 Mac lalu, sebanyak 102 orang disahkan mengalami keracunan makanan dengan empat daripadanya kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan selepas bersarapan di gerai tersebut.

Kesemua pesakit yang berusia antara dua hingga 71 tahun itu mengalami gejala seperti muntah, cirit birit, kepening, kekelaruan dan berpeluh berlebihan selepas makan makanan di ge-

rai tersebut yang telah tercemar.

Keputusan laporan **Jabatan Kimia Malaysia** cawangan Perak pada 9 Mac lalu mengesahkan racun serangga jenis carbamate disahkan sebagai punca mangsa mengalami keracunan makanan.

Racun tersebut ditemukan dalam empat sampel makanan iaitu sambal nasi lemak, kue-tiau goreng, kuih bom dan cucur badak yang diambil dari gerai berkenaan pada hari kejadian.

Mati kerana makan kuetiau racun serangga



ALLAHYARHAM
HAWA BUYONG

Pekerja stesen minyak meninggal dunia 20 hari selepas bersarapan makanan kegemarannya di Batu Gajah, Perak



CONTOH kuetiau goreng yang dimakan mangsa.

SELEPAS 20 hari bertarung nyawa akibat memakan kuetiau goreng yang dicemari racun serangga di sebuah gerai di Siputeh, Batu Gajah, Perak, seorang wanita akhirnya meninggal dunia malam kelmarin.

Mangsa, Hawa Buyong, 46, menghembuskan nafas terakhir pada pukul 11.25 malam di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

Hawa yang masih bujang merupakan salah seorang daripada 102 mangsa yang mengalami keracunan makanan setelah

bersarapan di gerai sama yang popular dengan menu kuih bom.

Sejak dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi hospital tersebut pada 4 Mac lalu, pekerja stesen minyak itu terpaksa bergantung kepada alat bantuan pernafasan untuk terus hidup.

Jabatan Kimia Malaysia cawangan Perak pada 9 Mac lalu mengesahkan racun serangga jenis *carbamate* menjadi punca kesemua 102 mangsa mengalami keracunan makanan.

Racun tersebut ditemui dalam empat sampel makanan yang diambil dari gerai itu iaitu sambal nasi lemak, kuetiau goreng, kuih bom dan cucur badak.

37 orang termasuk empat yang lain kritikal keracunan makanan



KERATAN Kosmo! 6 Mac 2016.



GERAI di Siputeh, Batu Gajah yang didakwa menjual makanan yang dicemari racun serangga masih ditutup sehingga semalam.



INILAH racun serangga *carbamate* yang menjadi punca kes keracunan makanan di Siputeh, Batu Gajah pada 4 Mac lalu.

» LAPORAN DI MUKA 2

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 25 MAC 2016 (JUMAAT)

Pelanggan kedai makan mati selepas 20 hari jamah makanan kegemaran

Kuetiau beracun ragut nyawa

Oleh SAHLIZAH MOHAMED dan MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

IPOH — Selepas 20 hari bertarung nyawa, seorang wanita yang kritikal setelah bersarapan kuetiau goreng kegemarannya yang tercemar dengan racun serangga meninggal dunia di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh, Perak malam kelmarin.

Mangsa, Hawa Buyong, 46, disahkan menghembuskan nafas terakhir sekitar pukul 11.25 malam di Unit Rawatan Rapi (ICU) selepas hanya bergantung kepada alat bantuan pernafasan sejak dimasukkan ke HRPB pada 4 Mac lalu.

Mangsa yang masih bujang merupakan salah seorang daripada 102 mangsa keracunan makanan selepas bersarapan di sebuah gerai di Siputeh, Batu Gajah yang popular dengan menu kuih bom dalam kalangan masyarakat setempat.

Mangsa difahamkan sudah tiga tahun menjadikan gerai tersebut sebagai destinasi



ALLAHYARHAM HAWA BUYONG



RACUN serangga jenis carbamate ditemui dalam empat jenis makanan yang dijual di gerai Siputeh, Batu Gajah iaitu kuih bom, kuih badak, kuetiau dan sambal nasi lemak.

pilihannya untuk makan pagi.

Kakaknya, Anita Buyong, 48, berkata, mangsa yang bekerja di sebuah stesen minyak di Seri Iskandar langsung tidak sedarkan diri sejak dimasukkan ke hospital selepas pengsan di tempat kerjanya pada hari kejadian.

"Dia ada mengadu sesak nafas pada pagi hari kejadian sebelum pengsan di tempat kerjanya dan sekali lagi pengsan semasa berada di hospital," katanya ketika ditemui di HRPB di sini semalam.

Keputusan laporan Jabatan Kimia Malaysia cawangan Perak pada 9 Mac lalu mengesahkan racun serangga jenis carbamate disahkan sebagai punca mangsa mengalami keracunan makanan.

37 orang termasuk empat yang lain kritikal keracunan makanan



KERATAN Kosmo! 6 Mac 2016.

Racun tersebut ditemui dalam empat sampel makanan yang diambil di gerai berkenaan iaitu sambal nasi lemak, kuetiau goreng, kuih bom dan cucur badak.

Kesemua pesakit yang berusia antara dua hingga 71 tahun itu mengalami gejala seperti muntah, cirit birit, kepening, kekeliruan dan berpeluh berlebihan selepas makan di gerai itu.

Jenazah Hawa selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Siputeh di

Tronoh tengah hari semalam. Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air, Datuk Dr. Mah Hang Soon berkata, beliau yang mewakili kerajaan negeri melahirkan rasa sedih atas kematian mangsa.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Batu Gajah, Asisten Komisioner Mohd. Nasri Omar berkata, pihaknya masih menunggu laporan bedah siasat mangsa daripada pihak hospital.

Katanya, polis akan menyerahkan kertas siasatan dan kertas inkuiri polis kepada timbalan pendakwa raya untuk mengenal pasti punca kematian.

Setakat ini, kes itu diklasifikasikan sebagai mati mengejut.



INILAH jenis racun carbamate yang dipercayai terdapat dalam empat sampel makanan sehingga meragut nyawa seorang mangsa malam kelmarin.

El Nino beri kesan kepada agromakanan

Banyak telah diperkatakan tentang keburukan fenomena El Nino terhadap pertanian. Namun, tidak ramai yang tahu dengan jelas punca sebenar El Nino yang telah menyebabkan keadaan cuaca buruk di seluruh dunia, dan bagaimana ia mengubah cuaca di Malaysia. Apakah kesan perubahan cuaca ini terhadap pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan negara? Penjelasan terhadap isu ini amat penting kerana ia sedikit sebanyak akan memberi pengetahuan kepada kita tentang fenomena El Nino serta membuatkan kita lebih prihatin.

Punca El Nino dan perubahan cuaca

Peningkatan suhu air Lautan Pasifik menyebabkan tekanan udara berubah. Udara lembap naik tinggi dan membentuk awan. Apabila tekanan udara di Khatulistiwa berubah, angin turut bergolak. Angin Tenggara yang biasanya membawa hujan ke arah barat dari pesisiran Amerika Selatan menuju ke Asia Tenggara dan Australia menjadi lemah, terhenti atau berpatah balik. Akibatnya negara di pantai barat Amerika Selatan, timur laut Argentina, Uruguay dan selatan Brazil mengalami ribut petir. Manakala negara di Asia Tenggara (Malaysia, Filipina dan Indonesia), Afrika Selatan, Australia, Amerika Tengah, Kepulauan Carribbean, utara Amerika Selatan dan Papua New Guinea mengalami kemarau.

Menurut pakar kaji cuaca, fenomena El Nino ini mula diketahui sejak 400 tahun yang lampau dan berlaku setiap 3-7 tahun. Catatan menunjukkan El Nino pernah menyerang Asia Tenggara termasuk Malaysia pada 1983, 1987, 1991, 1993 dan menjadi lebih teruk bermula 1997.

Fenomena El Nino mengakibatkan dua perubahan cuaca setempat iaitu keadaan kemarau dan peningkatan suhu yang tinggi. **Jabatan Meteorologi** mengumumkannya fenomena El Nino akan menyebabkan peningkatan suhu sebanyak 0.5 celsius ke 2 celsius dan pengurangan hujan di antara 20 peratus sehingga 60 peratus. Cuaca panas dan kering ini dijangka melanda negara pada Januari hingga Mac 2016.

Fenomena El Nino mengakibatkan sumber bekalan air seperti anak sungai dan kolam takungan air menjadi kering kontang dan bekalan air menjadi berkurangan. Pada keadaan ini, hutan bakau atau gambut mudah terbakar dan sukar dipadam.

Kesan terhadap sektor perikanan

Secara fakta fenomena El Nino telah memberikan kesan terhadap kedua-dua sub sektor industri perikanan tangkapan dan akuakultur. Ini disebabkan peningkatan suhu laut setinggi 1 hingga 2 celsius yang dikatakan akan memberi impak kepada stok ikan, contoh seperti habitat ikan pelagik yang akan berpindah keluar dari perairan negara. Ini disebabkan kandungan makanan seperti plankton semakin berkurangan. Kesan ini akan

mengakibatkan penurunan kepada pendaratan ikan pelagik yang boleh mencapai kepada 30 peratus daripada hasil pendaratan ikan negara.

Di sektor ternakan akuakultur, peningkatan suhu akan sebabkan penurunan kandungan oksigen terlarut. Akibatnya akan memberikan satu tekanan serta kesan negatif terhadap ternakan yang menyebabkan kematian ikan dan terjadinya penyakit.

Mengikut rekod Jabatan Perikanan, kesan El Nino menyebabkan penternak akuakultur mengalami kerugian ratusan ribu ringgit seperti kejadian ikan mati dalam jumlah yang banyak dalam sangkar ikan payau di Sungai Sangga Besar, Kerian, Perak dan Kampung Bangau Parit, Temerloh, Pahang. Begitupun masih terdapat penternak lain yang masih menjalankan aktiviti ternakan biasa kecuali di kawasan yang telah ditakrifkan zon kritikal seperti Tanjung Batu, Teluk Ira, dan sebahagian Kampung Pangsenam dan Lebak Seberang Kuala Krau di Temerloh.

Sektor penternakan

Bagi sub sektor ternakan, keadaan cuaca yang melampau akibat El Nino boleh memberi kesan terhadap pengeluaran ternakan. Ini dibuktikan dengan suasana seperti tekanan haba dalam tempoh yang panjang akibat kemarau boleh mengurangkan ka-

dar haiwan mengambil makanannya sekaligus mengganggu produktiviti. Kesan lain yang dikenalpasti adalah ternakan boleh mengalami pengurangan berat badan dan kecekapan pembiakan. Akibat seterusnya adalah kerugian dalam bentuk mengurangkan kesuburan haiwan selama beberapa tahun selepas kemarau.

Terdapat juga kesan sampingan yang boleh membawa kepada masalah besar sektor ini. Antara kesan yang dikenalpasti adalah telaga dan air lubang yang hampir kosong mungkin boleh meningkatkan kandungan garam dan bahan-larutan berbahaya lain di dalamnya. Ia boleh menjadikan air tidak sesuai atau berbahaya untuk diminum oleh ternakan.

Lembu yang mendapat bekalan air dari kawasan kemarau lebih cen-

dering minum air yang tidak sesuai. Akibatnya ia boleh mendatangkan penyakit, menyebabkan kekurangan berat badan dan membunuh haiwan dalam jumlah yang banyak.

Kegagalan industri ternakan untuk mendapatkan semula saiz yang sama seperti sebelum berlakunya kemarau akan memberikan kesan kepada pengeluaran ternakan kerana ia mengambil masa lebih kurang tiga tahun untuk lembu kembali ke kapasiti pembiakan biasa selepas kemarau.

Kemarau dengan cuaca panas melampau memungkinkan jerebu yang boleh memberi kesan kepada aktiviti ternakan terutama ayam. Ternakan tersebut terdedah kepada masalah pernafasan seperti radang paru-paru dan jangkitan saluran pernafasan.

Kesan kepada kos pengeluaran

Apabila ayam tidak dapat menepati pertumbuhan biasa, sudah tentu ia mempengaruhi kos pengeluaran yang ditanggung penternak. Kita boleh lihat statistik yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berkaitan isu ini.

Kos pengeluaran yang meningkat disebabkan tambahan suplemen yang perlu dibekalkan bagi mempercepatkan pertumbuhan dan mengurangkan kadar kematian ayam.

Kos pengeluaran sepanjang tempoh pembesaran 1 ekor ayam (40 hari) lebih kurang RM5. Bagi kos makanan dan suplemen pula RM0.20 (100g) sehari. Sehubungan itu pertambahan lima hari akan meningkat kos kepada RM1 untuk setiap ekor ayam. Akibatnya jika penternak mempunyai 100,000 ekor ayam maka kos pengeluaran yang perlu ditanggung RM100,000.

Jumlah kerugian yang dianggarkan untuk sub sektor ternakan adalah RM160,000 sehari. Nilai ini berdasarkan kerugian yang dijangka dihadapi

kira-kira 2,000 penternak ayam di negeri yang terjejas teruk akibat perubahan cuaca termasuk kesan jerebu.

Kesan kepada sektor pertanian

Air merupakan faktor penting dalam pertumbuhan tanaman. Air diperlukan dalam proses fotosintesis bagi menghasilkan biomassa (makanan) daripada tindak balas air dan karbon dioksida dengan cahaya suria.

Oleh itu, kemarau yang menyebabkan kekurangan air akan mengurangkan kadar fotosintesis. Seterusnya, keadaan ini membantutkan pertumbuhan dan mengurangkan produktiviti. Ia juga menyebabkan tanaman tidak subur atau mati.

Bagi kawasan pengeluaran utama sayur-sayuran di negara ini yang meliputi keluasan fizikal sebanyak 11,400 hektar pengeluaran sehingga kini masih belum terjejas. Dijangka pengeluaran menurun 20 peratus pada April sekiranya musim panas berterusan. Bagi buah-buah terutama di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), cuaca panas belum lagi memberi kesan kepada pengeluaran buah-buahan. Tanaman utama TKPM adalah nangka, betik, mangga dan pisang.

Kesan kepada tanaman padi

Secara umumnya, suhu optimum penanaman padi antara 24 celsius hingga 34 celsius dan turunan hujan tahunan melebihi 2,000mm. Peningkatan suhu dan pengurangan hujan dalam tempoh yang panjang akan menjejaskan hasil pengeluaran padi. Bagaimanapun, ia bergantung kepada jenis yang digunakan dan kawasan penanaman dijalankan.

Hasil penyelidikan oleh International Rice Research Institute (IRRI) menunjukkan kenaikan suhu pada waktu malam sebanyak satu darjah celsius boleh mengurangkan hasil padi kira-kira 10 peratus.

INFO

Berikut merupakan hasil kajian pengaruh suhu pada peringkat tanaman padi khususnya:

Peringkat pertumbuhan dan kesan peningkatan suhu

Fasa vegetatif

1. Gelombang haba yang sangat panas boleh menyebabkan proses pertumbuhan seperti percambahan berkurangan.
2. Hasil penyelidikan UPM, di bawah kajian rumah kaca bagi suhu tinggi terkawal mendapati, pada suhu melebihi 40°C pada waktu tengah hari didapati bilangan anak dan tangkai berkurang di mana hanya 52 tangkai terhasil berbanding 118 di plot kawalan.

Fasa reproduktif

1. Suhu yang sangat tinggi, walaupun untuk beberapa jam semasa ia berbunga boleh menyebabkan kemunduran penuh.
2. Kekurangan air dan corak hujan yang tidak teratur juga akan meningkatkan intensiti beberapa penyakit padi seperti karah daun padi dan bintik perang.

Fasa matang

1. Hasil penyelidikan oleh IRRI menunjukkan bahawa kenaikan suhu pada waktu malam sebanyak satu darjah celsius boleh mengurangkan hasil padi kira-kira 10 peratus.
2. Hasil penyelidikan Mardi menunjukkan kenaikan 2°C suhu boleh membawa kepada pengurangan 13 peratus dalam pengeluaran hasil padi manakala kemarau atau penurunan 15 peratus kadar hujan boleh membawa kepada kejatuhan dalam hasil sehingga 80 peratus.
3. Pada tanaman padi peringkat masak, ia boleh mengurangkan pengisian bijirin dan kualiti penghasilan yang tidak baik dan akan menyebabkan banyak bijirin rosak.



Penduduk Gembira Keningau Mula Dibasahi Hujan

KENINGAU, 24 Mac (Bernama) -- Penduduk Keningau gembira apabila hujan mula turun di daerah pedalaman di Sabah itu petang tadi, selepas beberapa bulan mengalami musim panas dan kering.

Rata-rata penduduk yang ditemui berkata walaupun hujan berkenaan berakhir selama kira-kira 30 minit sejak pukul 5.10 petang namun mereka tetap bersyukur dan lega.

"Lega sedikit sebab kurang panas. Mudah-mudahan hujan akan turun lebih lama dan berpanjangan (pada hari-hari mendatang)," kata Juanita Ribus, 43, dari Kampung Bingkor Lama kepada Bernama di sini hari ini.

Doreen Hansel David Daigo, 24, seorang pengusaha taman asuhan kanak-kanak di Kampung Sandapak pula berkata walaupun hujan turun tidak lama namun keadaan panas sebelum agak berkurangan sedikit.

"Jerebu juga berkurangan dan tersiram juga tanaman di belakang rumah yang sudah hampir kering (mati)," katanya.

Beliau juga berharap hujan akan turun pada hari-hari akan datang meskipun cuma sekejap.

Sebelum ini, berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia, daerah Keningau pernah mencatat suhu sehingga 36.8 darjah selsius Ahad lepas, suhu tertinggi pernah dicatat di Sabah sepanjang musim panas dan kering sekarang.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 24
TARIKH: 25 MAC 2016 (JUMAAT)

Putrajaya

JAKIM seru umat Islam solat hajat tolak cuaca panas

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyeru umat Islam dan masjid di seluruh negara untuk mengadakan solat hajat selepas solat Jumaat hari ini bagi memohon terhindar daripada kesan kepanasan melampau yang melanda ketika ini.

Ketua Pengarahnya Datuk Othman Mustapha berkata, ia juga membabitkan masjid utama di bawah kelolaan JAKIM iaitu Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal

Abidin.

Beliau berkata, pihaknya sudah sedia maklum mengenai kenyataan dibuat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MoSTI) pada 17 Mac lalu bahawa cuaca panas yang melanda negara ketika ini berpunca daripada fenomena El Nino.

"Semoga dengan pelaksanaan solat hajat di seluruh negara, ia akan diberkati Allah SWT serta dapat memulihkan cuaca negara kita.

"Kita juga perlu peka dan mengikut saranan dikeluarkan

kan Kementerian Kesihatan untuk mengelakkan penyahidratan seperti memperbanyakkan minum air kosong sekurang-kurangnya enam hingga lapan gelas sehari," katanya di sini, semalam.

Selain itu, beliau berkata, rakyat juga perlu mengurangkan minuman manis atau berkafein kerana ia boleh meningkatkan pengeluaran air daripada badan selain meningkatkan pengambilan makanan mengandungi banyak air seperti buah-buahan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 25 MAC 2016 (JUMAAT)

Mavcap sasar salur dana RM100 juta

KUALA LUMPUR 24 Mac - Malaysia Venture Capital Management Bhd. (Mavcap) menyasar untuk meningkatkan jumlah Dana SuperSeed sebanyak RM100 juta daripada RM60 juta diperuntukkan menerusi kerjasama dengan Gobi Partners (Gobi).

Ketua Pegawai Eksekutif Mavcap, Jamaludin Bujang berkata, dana teroka itu mempunyai saiz urus janji purata sebanyak RM2 juta buat kira-kira 25 hingga 35 syarikat baharu dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Katanya, ia bertujuan membiayai syarikat di peringkat penubuhan awal di seluruh Asia Tenggara dengan mengenal pasti dan melabur dalam syarikat generasi baharu tersebut.

Ujar beliau, Dana SuperSeed memberi tumpuan terhadap syarikat teknologi Internet mudah alih berpangkalan di ASEAN meliputi pelbagai sektor utama termasuk



JAMALUDIN BUJANG (kanan) dan Pengasas Bersama Gobi Partner, Thomas G Tsao (dua dari kanan) bersama dengan penerima-penerima Dana SuperSeed di Kuala Lumpur, semalam.

pengiklanan, data besar, pengkomputeran awam, kandungan dan media digital.

“Menerusi Dana SuperSeed, kami berharap untuk mengenal pasti, melabur dan mengembangkan syarikat teknologi tempatan dan serantau bagi membantu mereka berkembang maju seterusnya menjadi juara serantau serta dunia.

“Ia juga mencerminkan kejayaan perkongsian Mavcap dengan Gobi sejak beberapa tahun lalu untuk menguruskan dana serantau yang melabur dalam syarikat teknologi dan menghubungkan portfolio kami ke peringkat global,” katanya kepada pemberita sempena majlis pelancaran Dana SuperSeed di sini hari ini.

Dana SuperSeed Gobi MAVCAP ASEAN RM60j

» Dilabur dalam
25 hingga 35
syarikat teknologi
internet,
mudah alih

Oleh Lum Chee Hong
lumch@bh.com.my

Gobi Partners (Gobi), firma modal teroka Asia dan Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) melancarkan dana teroka baharunya yang dikenali sebagai Dana SuperSeed Gobi MAVCAP ASEAN bernilai RM60 juta.

Ia untuk dilaburkan dalam 25 hingga 35 syarikat teknologi internet dan mudah alih di rantau ini dalam tempoh tiga tahun.

Syarikat yang disasarkan itu adalah yang terbabit dalam

pelbagai sektor utama seperti pengiklanan, data besar, pengkomputeran awam, peranti perhubungan, kandungan dan media digital, e-dagang, teknologi kewangan, internet barangan (IOT) dan inovasi berlandaskan Islam dan pelancongan atas talian.

Tumpuan geografi dana itu adalah untuk syarikat yang baru ditubuhkan di Indonesia, Malaysia dan Singapura serta merebut peluang yang muncul di pasaran lain.

Mengulas perkara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MAVCAP, Jamaludin Bujang, berkata pihaknya berbangga menjadi pengurus dana itu bersama Gobi Partners.

Bantu syarikat terpilih

"Menerusi Dana SuperSeed, kami berharap dapat mengenalpasti, melabur dan mengembangkan operasi syarikat teknologi tempatan dan serantau bagi membantu syarikat terpilih berkembang maju dan



"Kita akan terus cuba meraih dana RM100 juta dan proses sedang berjalan. Kita cuba raih dalam setahun. Kita melihat pulangan pelaburan untuk dana antara 15 hingga 25 peratus"

Jamaludin Bujang,
Ketua Pegawai Eksekutif MAVCAP

seterusnya menjadi juara serantau dan dunia.

"Kami akan terus cuba meraih dana RM100 juta dan proses sedang berjalan. Kita cuba raih dalam setahun. Kita melihat pulangan pelaburan untuk dana antara 15 hingga 25 peratus," katanya pada majlis pelancaran Dana SuperSeed Gobi MAVCAP ASEAN di Kuala Lumpur, semalam. Yang hadir sama, Pengarah Urusan Gobi Partners, Thomas G Tsao.

Dana SuperSeed ialah dana khusus ASEAN kedua oleh Gobi yang diuruskan menerusi pejabatnya di Kuala Lumpur.

Setakat ini, ia sudah meluluskan pelaburan dalam lima syarikat di Malaysia, Indonesia dan Vietnam iaitu Enlinea Sdn Bhd, Off Peak Hub Sdn Bhd, Recomm Technologies Pte Ltd, Triip Pte Ltd dan YToday Sdn Bhd masing-masing hampir menerima dana berjumlah RM2 juta.

Sementara itu, Tsao berkata, trend pembangunan ASEAN setanding dengan China dan India, namun rantau ini pada kadar yang lebih pantas.

"Tugas kami adalah untuk membantu usahawan ASEAN berhubung dengan ekosistem (dana) teroka yang lebih luas dan mempersiapkan mereka untuk bersaing di peringkat global," katanya.

Dana teroka RM60j untuk syarikat dilancar

Kuala Lumpur: Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) dan Gobi Partners (Gobi), firma modal teroka Asia melancarkan dana teroka bernilai RM60 juta dikenali MAVCAP ASEAN SuperSeed Fund (Dana SuperSeed) untuk membiayai syarikat pemula di seluruh Asia Tenggara.

Ketua Pegawai Eksekutif MAVCAP Jamaludin Bujang berkata, dana berkenaan disediakan bagi membiayai syarikat generasi baru yang ditubuhkan di rantau ini.

“Sebagai permulaan, saiz dana berjumlah RM60 juta akan diagihkan kepada syarikat pemula yang layak, namun kami akan mencari lebih banyak pelabur bagi meningkatkan saiz dana kepada RM100 juta,” katanya selepas pelancaran-nya di sini, semalam.

Hadir sama, Pengasas Bersama Gobi, Thomas G Tsao.

Dana SuperSeed memberikan tumpuan untuk syarikat di Indonesia, Malaysia dan Singapura sambil

menggunakan pendekatan muncul di pasaran lain di rantau ini. Setakat ini, dana berkenaan meluluskan pelaburan lima syarikat di Malaysia, Indonesia dan Vietnam.

Menurutnya, setiap syarikat yang layak akan diberi

dana permulaan sekitar RM2 juta, namun jumlahnya bergantung kepada jenis perniagaan dijalankan.

“Dengan jumlah berkenaan, kami menjangkakan mereka untuk menghasilkan pulangan sekitar 15 peratus dan 25 peratus setahun,” katanya.

Jamaludin berkata, pihaknya menjangkakan untuk menyalurkan dana kepada 25 hingga 35 syarikat pemula dalam tempoh tiga tahun dengan tumpuan diberikan kepada syarikat berasaskan teknologi.



MAVCAP-Gobi plans Asean startups funding

By **Fatihah Rashid**
fatihah@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) and China's Gobi Partners have created a RM60 million SuperSeed fund to finance seed-stage startups across Southeast Asia.

The fund — named Gobi MAVCAP Asean — will focus on Asean-based internet and mobile technology startups across major vertical sectors.

It will provide funding to between 25 and 35 companies over the next three years, with each company receiving an average of RM2 million.

MAVCAP chief executive officer Jamaludin Bujang said the companies hope to raise

RM100 million within a year, and the process to achieve that target is already ongoing.

"Typically, we would want to disburse (all the funds) within the first four years, but chances are we are going to go higher and faster."

"There are a lot of deals we are looking into, and the earlier the better, so we can manage the companies and grow them faster," said Jamaludin.

The fund will primarily focus on startups in Indonesia, Singapore and Malaysia, while taking an opportunistic approach toward other emerging markets in the region.

SuperSeed Fund has so far approved of investments into five companies across Malaysia, Indonesia and Vietnam — that being Enlinea Sdn Bhd, Off Peak Hub Sdn Bhd, Recomn Technologies Pte Ltd, Triip Pte Ltd

and YToday Sdn Bhd.

The fund is looking at between 15% and 25% returns on investment from the startups in which they invested in.

However, Gobi Partners managing partner Thomas G Tsao said the fund's immediate goal is to ensure it can support the companies it has funded.

"You have got to see traction in users before you start seeing the beginnings of revenue growth. So then [sic] our goal for the SuperSeed Fund is to really act as a bridge to get them to the next series of funding, which will be the Series A funding."

"I believe that will be an important benchmark for us to reach with these companies," he said.

Tsao also believes Malaysia is at an inflection point in the venture capital indus-

try where it will attract more attention and capital flows.

China is also beginning to show interest in the region, particularly Malaysia which is in early stages and at a "very good point in the cycle".

Jamaludin also believes the venture capital industry in Southeast Asia, especially Malaysia, is looking increasingly positive, with many foreign venture capitals entering the region last year and more companies being developed.



*Mavcap chief executive officer **Jamaludin Bujang** (right) and Gobi co-founder and managing partner **Thomas G. Tsao** at the launch of the **Gobi Mavcap Asean Superseed Fund** in Kuala Lumpur yesterday. Pic by Zulfadhli Zulkifli*

Mavcap teams up with Gobi to start RM60m venture fund

GLORIA HARRY BEATTY

KUALA LUMPUR: Malaysian Venture Capital Management Bhd (Mavcap) has teamed up with China venture capital firm Gobi Partners to start a RM60 million venture fund called the Gobi Mavcap Asean Superseed Fund (Superseed Fund) aimed at financing seed-stage companies in Southeast Asia.

Mavcap chief executive officer Jamaludin Bujang said the enlarged entity planned to boost the fund to RM100 million.

"The process is ongoing and we will try to increase it within a year," he said, here, yesterday after the launch of the Superseed Fund.

Jamaludin said the fund was look-

ing at between 15 and 25 per cent return on investments for each of the company under the fund.

Under the fund, they plan to invest in 25 to 35 companies in the next three years.

The geographical focus of the fund will be on startups in Indonesia, Malaysia and Singapore markets.

The Superseed Fund will focus on Asean-based companies in various prime sectors, such as financial technology, e-commerce, advertising, cloud computing, content and digital media, Muslim innovation, and online tourism.

The fund now supports five companies — Enlinea Sdn Bhd, Off Peak Hub Sdn Bhd, Recomn Technologies Pte Ltd, Triip Pte Ltd and YTo-

day Sdn Bhd — with each receiving financial support of RM2 million.

Meanwhile, Gobi co-founder and managing partner Thomas G. Tsao said Malaysia is at an inflection point where it is going to attract a lot more attention and capital flows.

"I think right now, you are starting to see the beginning of Chinese interest towards Southeast Asia and Malaysia in particular. I think we are at very early stages and very good point in the cycle," he said.

Gobi is a leading venture capital company with an investment focus on early-stage, digital media, information technology and technology, media and telecommunications companies with headquarters in Shanghai.

Malaysia Venture and Gobi to focus on S-E Asia with new fund

SINGAPORE: Gobi Partners, one of the first Chinese venture capital firms to make inroads in South-East Asia, is looking to invest in as many as three dozen startups with a new US\$14.5mil fund that will target emerging technologies.

Malaysia Venture Capital Management Bhd, the country's largest venture firm with US\$300mil in assets under management, announced the SuperSeed Fund with Gobi yesterday.

They will seek to invest in 25 to 35 early-stage startups across South-East Asia over the next three years.

Gobi's interest in the region represents a broader appetite among investors who are seeking to capitalise on the region's rising incomes and mobile Internet boom.

The number of venture-backed deals in South-East Asia almost doubled to 71 in the fourth quarter of 2015, even as funding cooled across the globe, according to reports by KPMG and CB Insights.

Thomas Tsao, a managing partner at Gobi Partners, calls the hottest part of the region IPTV, for Indonesia, the Philippines, Thailand and Vietnam, a play on the acronym for Internet protocol television, or TV that's delivered via the Web.

Investors need to pay more attention to the four countries, which have more than 550 mill-

These are four huge consumer markets, and we call them the IPTV market.

Thomas Tsao

lion people, Tsao said.

"These are four huge consumer markets, and we call them the IPTV market," Tsao said.

Gobi, which has backed 22 startups, divides the 10 nations in South-East Asia into three groups: mature markets such as Singapore and Malaysia, IPTV and a frontier market that includes Myanmar.

Gobi began turning to South-East Asia after noticing some of the Chinese startups in its portfolio, including photo-application Camera360, were seeing a surge in the number of customers in the region.

"We were like, 'Wow, this is something we need to pay attention to,'" Tsao said.

The Gobi-Malaysia venture fund will focus on Internet and mobile technology startups in areas including big data, cloud computing, content and digital media, e-commerce, financial tech, Muslim innovation and online tourism, he said. — Bloomberg